

Newspaper	Berita Harian
Date	15/3/2013

Sistem dua parti tak boleh dipakai



Dr Mahathir ketika **Wacana PAUM anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM)** di Auditorium, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya (UM).

BH-15/3/2013

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem dua parti boleh mencekutkan ketidakstabilan politik dengan kemungkinan berlakunya wakil rakyat yang akan melompat parti.

Bekas Perdana Menteri berkata, sistem dua parti di negara ini bermula sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12), dan majoriti undi yang kecil menyumbang kepada kejatuhan parti yang dipilih rakyat.

"Bagaimanapun, saya yakin sistem berkenaan diterima di negara ini dengan syarat parti yang menang mendapat mandat kukuh," katanya pada si-

dang media selepas menyampaikan syarahan bertajuk Kebolehlaksanaan Sistem Dua Parti Bagi Malaysia anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) di Auditorium, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya (UM).

Kes lompat parti

Terdahulu pada sesi dialog, Dr Mahathir berkata, langkah terbaik menangani isu kes lompat parti dengan menggubal undang-undang supaya kerusi wakil rakyat yang melompat parti, dipertandingkan semula.

"Kalau ada sesiapa yang

lompat, beliau akan hilang kerusi dan kerusi akan dipertandingkan semula.

"Mungkin ada yang berpandangan tindakan itu tidak liberal tetapi ia masih mengekalkan ciri-ciri demokratik.

"Kalau nak mengikut liberal demokrasi, saya ingat negara ini akan hancur," katanya.

Ulas tindakan Anwar

Mengulas tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat pusingan U dalam isu pemprosesan nadir bumi Lynas di Kuantan, Dr Mahathir berkata Ketua Pembangkang itu mempolitikkan semua perkara untuk kepentingan pembangkang.

Katanya, tiada alasan rakyat menolak projek pemprosesan nadir bumi kerana projek itu turut dilaksanakan di Amerika Syarikat dan China.

Menjawab isu tuntutan pembangkang 'Malaysian Malaysia' yang dibawa parti sebelum DAP, Parti Tindakan Rakyat (PAP) pada 1964, Dr Mahathir berkata rungutan bukan Melayu mengenai diskriminasi berpunca daripada dasar yang memihak kepada Melayu adalah tidak berasas.

Katanya, ia disebabkan kumpulan minoriti juga menikmati hak istimewa termasuk kebebasan untuk bercakap bahasa ibunda mereka dan mengamalkan agama mereka sendiri.

"Bagaimanapun, saya yakin sistem berkenaan diterima di negara ini dengan syarat parti yang menang mendapat mandat kukuh"

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri